

---

## **SIARAN BERITA**

### **DR MOHD KHALID ABDUL SAMAD SEBAGAI KPE MyCC**

**KUALA LUMPUR, 26<sup>hb</sup> Januari 2015** – Dr. Mohd Khalid Abdul Samad telah dilantik oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, YB Dato' Sri Hasan bin Malek, untuk menyandang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), efektif dari 6 Januari 2015.

Sebelum ini beliau memegang jawatan Pengarah di Bahagian Standard Kepenggunaan dan Pengarah Bahagian Pembangunan Koperasi di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 20 tahun.

"Saya amat berbesar hati kerana diberi peluang mengemudi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), dimana ianya berperanan untuk menggalakkan persaingan sihat dalam negara," kata Dr Mohd Khalid Abdul Samad. "Saya berharap bekerja dengan sektor awam dan swasta bersama dengan perniagaan-perniagaan dan pengguna ke arah satu landskap perniagaan yang lebih dinamik, terutamanya pada masa kini dimana cabaran ekonomi adalah lebih signifikan," katanya.

Dr. Mohd Khalid Abdul Samad telah berkhidmat pada pelbagai kapasiti di beberapa Kementerian dan Agensi Kerajaan seperti Kementerian Kewangan (MOF), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Penerangan, Kebudayaan dan Komunikasi (KPKK), serta Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Beliau mempunyai pengalaman mendalam dalam bidang berkenaan dengan tadbir urus korporat, reformasi kerajaan, dasar awam, audit, dan pengurusan kewangan serta sumber manusia. Ketika di KPDNKK, beliau turut terlibat dalam pemindaan Akta Suruhanjaya Koperasi 2007.

Beliau memegang Sarjana Muda Sains dalam Perniagaan dengan Kepujian dalam bidang Perakaunan dan Kewangan (Universiti Indiana, Amerika Syarikat), Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Universiti Kebangsaan Malaysia - UKM, Bangi) dan Ijazah Kedoktoran dalam Pentadbiran Awam (Universiti Meiji, Jepun). Beliau merupakan ahli kepada *Commonwealth Association for Public Administration and Management (CAPAM)*. Beliau juga turut menerbitkan beberapa kertas pembentangan berkenaan tadbir urus dan reformasi kerajaan dalam jurnal ilmiah.

---

Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC dan Akta Persaingan 2010, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

---tamat---

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Rowena Wong, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: [rowena@mycc.gov.my](mailto:rowena@mycc.gov.my)

Anis Syafiq, Tel +603 2273 2277 (ext 217), Email: [anis@mycc.gov.my](mailto:anis@mycc.gov.my)

**Unit Komunikasi Korporat**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).